

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 17.6.2015

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan akan diambil atas penutupan Kolej Pengurusan Sarawel Cawangan Kuching. Apakah bantuan yang Kerajaan akan berikan kepada murid-murid yang terpaksa menghentikan pelajaran mereka akibat daripada penutupan Kolej tersebut di Kuching.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Pengurusan Sarawel diberi tempoh sehingga Jun 2015 bagi melaksanakan pemulihan aliran wang tunai bagi meneruskan operasi yang dihentikan untuk sementara waktu. Pelajar terlibat telah ditawarkan penempatan sementara ke IPTS di bawah milik syarikat yang sama. Namun, pelajar telah tidak bersetuju untuk berbuat demikian dan memilih untuk menangguhkan pengajian sehingga IPTS ini kembali beroperasi semula.